

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN WUSHU  
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025  
(LELAKI DAN WANITA)**

## **1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **Peraturan Persekutuan Wushu Antarabangsa (IWUF)** serta **Persekutuan Wushu Malaysia**.
- 1.2 Sekiranya timbulnya sebarang keraguan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian am akan diputuskan berasas kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang **IWUF**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Wushu Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

## **2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

- 2.1 Pertandingan ini akan bermula pada **11 hingga 17 Oktober 2025**

## **3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Dewan SJK (C) Yuk Chin, Tawau**.

## **4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah seluruh Sabah. Penyertaan hendaklah dibuat melalui daerah masing-masing.
- 4.2 Setiap daerah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan terdiri daripada:

<b>Jawatan</b>	<b>TAOLU</b>		<b>SANDA</b>	
	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
Pengurus Pasukan	1 orang	-	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang	1 orang	1 orang
Peserta	6 orang	6 orang	5 orang	3 orang
<b>Jumlah</b>	<b>8 orang</b>	<b>7 orang</b>	<b>7 orang</b>	<b>4 orang</b>

- 4.3 Setiap pasukan dibenarkan menghantar dua (2) peserta bagi setiap acara Taolu dan satu (1) peserta bagi acara Sanda.

- 4.4 Bagi acara Sanda, setiap peserta mesti membawa bersama sijil kesihatan dan Sijil Insurans Hayat peribadi yang sah. Sijil kesihatan perlu dikeluarkan dan ditandatangani oleh doktor yang berkelayakan dalam 30 hari sebelum pertandingan bermula. Setiap peserta juga perlu menandatangani dan menghantar Borang Pengecualian Liabiliti yang lengkap.

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Bagi acara **Taolu** hanya peserta yang lahir antara **tahun 2005 hingga 2013** sahaja yang layak didaftarkan, manakala bagi acara **Sanda** hanya peserta yang lahir pada **2005 hingga 2009** sahaja yang layak didaftarkan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.5 **Jurulatih sukan Wushu setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1 atau Sijil Asas Kejurulatihan Sukan Wushu yang diperakui oleh Persatuan Wushu Negeri Sabah (2017).**

## 6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 8.0 KATEGORI-KATEGORI YANG AKAN DIPERTANDINGKAN

- 8.1 Acara Taolu  
Kategori Lelaki dan Wanita:

Bil.	Acara	Bil.	Acara
1	Changquan	6	Jianshu
2	Nanquan	7	Taijijian
3	Taijiquan	8	Gunshu
4	Daoshu	9	Nangun
5	Qiangshu	10	Nandao

Setiap acara hanya terhad kepada **maksima dua (2)** orang peserta bagi setiap pasukan.

## 8.2 Acara Sanda

Kategori Lelaki sahaja:

- 8.2.1 52 kg ( $> 48 - \leq 52$  kg)
- 8.2.2 56 kg ( $> 52 - \leq 56$  kg)
- 8.2.3 60 kg ( $> 56 - \leq 60$  kg)
- 8.2.4 65 kg ( $> 60 - \leq 65$  kg)
- 8.2.5 70 kg ( $> 65 - \leq 70$  kg)

Kategori Wanita sahaja:

- 8.2.6 48 kg ( $> 44 - \leq 48$  kg)
- 8.2.7 52 kg ( $> 48 - \leq 52$  kg)
- 8.2.8 56 kg ( $> 52 - \leq 56$  kg)

Setiap kategori hanya terhad kepada **maksima satu (1)** orang peserta bagi setiap pasukan.

- 8.3 Bagi acara Sanda, pertandingan adalah perlawanan perseorangan. Sistem tunggal 'knockout' akan digunakan. Jika terdapat tiga (3) peserta maka sistem tunggal 'round robin' akan digunakan untuk pertandingan.
- 8.4 Selepas ketibaan dan pendaftaran peserta, peserta acara Sanda akan menjalani pengambilan berat badan dan cabutan nombor giliran pertandingan yang ditetapkan dalam jadual.
- 8.5 Melainkan peraturan-peraturan yang telah dinyatakan, pertandingan Sanda akan dijalankan mengikut Peraturan dan Undang-undang Pengadil Pertandingan Wushu Sanda IWUF 2017.

## 9.0 PENGADIL DAN HAKIM

- 9.1 Jawatankuasa Khas Teknikal akan melantik Delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan Persatuan Wushu Sabah tertakluk kepada Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 9.2 Pengadil-pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.
- 9.3 Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil adalah muktamad.

## 10.0 BANTAHAN

- 10.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya pengurus pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan Wang Pertaruhan sebanyak **RM 200.00** tunai.
- 10.2 Wang pertaruhan akan lopus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 10.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa **tiga puluh (30) minit** selepas pertandingan itu tamat.

## 11.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

- 11.1 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur atur cara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persekutuan Wushu Malaysia seperti berikut:
  - 11.1.1 Empat (4) orang juri yang dipilih oleh Persatuan Wushu Sabah.
  - 11.1.2 Ketua Juri.
  - 11.1.3 Ketua Teknikal.
  - 11.1.4 Ketua Referee
- 11.2 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 14.3 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

## 12.0 HADIAH-HADIAH

12.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

Acara	Taolu Lelaki		
	Emas	Perak	Gangsa
Changquan	1	1	1
Nanquan	1	1	1
Taijiquan	1	1	1
Daoshu	1	1	1
Qiangshu	1	1	1
Jianshu	1	1	1
Taijijian	1	1	1
Gunshu	1	1	1
Nangun	1	1	1
Nandao	1	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>

Acara	Taolu Wanita		
	Emas	Perak	Gangsa
Changquan	1	1	1
Nanquan	1	1	1
Taijiquan	1	1	1
Daoshu	1	1	1
Qiangshu	1	1	1
Jianshu	1	1	1
Taijijian	1	1	1
Gunshu	1	1	1
Nangun	1	1	1
Nandao	1	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>
Sanda			
Acara	Emas	Perak	Gangsa
52 kg	1	1	2
56 kg	1	1	2
60 kg	1	1	2
65 kg	1	1	2
70 kg	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>10</b>
Sanda Wanita			
Acara	Emas	Perak	Gangsa
48 kg	1	1	2
52 kg	1	1	2
56 kg	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>6</b>

12.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**